

KEBERKESANAN PROGRAM KAWAD KAKI PENGAKAP DALAM MENINGKATKAN PRESTASI AKADEMIK

Zulli Bin Muhamad

Pusat Bahasa Moden Dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
Lebuh Raya Tun Razak, 26300 Gambang, Pahang
Emel: Cgzulli@Yahoo.Com.My

ABSTRAK

Kawad kaki dilihat sebagai pengupaya kepada prestasi akademik pelajar. Terdapat pelbagai kepentingan kepada pelajar dari aktiviti kawad kaki. Falsafah dan pergerakan kawad kaki ini telah menjadi satu sumber penting sebagai 'tonik' untuk merangsang kognitif. Masih belum ditemui kajian khusus berkaitan hubungan kedua-dua pencapaian ini sehingga hari ini. Kajian ini meneroka hubungan pencapaian kawad kaki dengan pencapaian akademik dikalangan pelajar. Tumpuan kajian ini adalah kepada aktiviti kawad kaki pengakap dan sumbangannya terhadap pencapaian prestasi akademik. Penumpuan sampel kajian ini adalah terhadap sekumpulan 50 orang murid SK FELDA Lepar Hilir 3, 26300 Gambang yang menyertai Pengakap Kanak-kanak (PKK). Teknik yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan dan analisis dokumen. Sampel dilatih terlebih dahulu untuk mendapatkan kemahiran asas berkawad. Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang di dalam akademik kebanyakannya dari mereka yang menunjukkan prestasi baik semasa berkawad. Kajian ini juga telah berjaya membuktikan pelajar-pelajar yang gagal menunjukkan prestasi cemerlang semasa berkawad turut mempunyai prestasi yang kurang memberangsangkan di dalam pencapaian akademik.

PENGENALAN

Menurut Saharuddin Abdullah (2011), pada masa ini kecemerlangan seseorang murid bukan sahaja diukur dari segi pencapaian akademik sahaja tetapi juga pencapaian kokurikulum. Pernyataan di atas jelas berlandaskan garapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara" (Kementerian Pendidikan Malaysia - KPM). Hasrat falsafah ini memang jelas; kecemerlangan akademik mesti diiringi kemampuan mendepani kehidupan penuh cabaran.

Menurut Maizal Affendey (1998), mereka (pengakap) mesti berusaha untuk peka kepada arahan-arahan serta hukuman (arahan kawad kaki) yang di sampaikan. Apabila kita kaitkan dengan

akademik atau aktiviti di dalam bilik darjah, mereka akan lebih memberitumpuan kepada pengajaran guru disamping sikap tenang dan tanggapan positif untuk sebarang masalah yang dihadapi.

Keupayaan mengkoordinasi fungsi minda dan tubuh semasa berkawad merupakan elemen penting ke arah peningkatan pencapaian prestasi kawad dan prestasi akademik. Keupayaan ini akan meningkatkan prestasi minda dan tubuh dalam pelaksanaan sesuatu tugas dan aktiviti akademik. Untuk itu, kajian ini penting bagi melihat sejauh mana aktiviti kawad kaki pengakap yang menjadi salah satu aktiviti utama pasukan beruniform di sekolah-sekolah di Malaysia mampu meningkatkan pencapaian prestasi individu. Kajian ini mengukur sejauh mana perubahan psikofisiologi ini berlaku dan sejauh mana ia berupaya meningkatkan prestasi pencapaian akademik.

Sehingga kini belum diketahui sejauh mana keberkesanan aktiviti kawad kaki terhadap prestasi akademik. Jadi, adakah pelajar yang cemerlang dalam kawad juga mempunyai kecemerlangan dalam bidang akademik? Masih belum ditemui kajian khusus berkaitan hubungan kedua-dua pencapaian ini sehingga hari ini. Kajian yang dibuat oleh Elizabeth, M., (2010) menunjukkan terdapat hubungan antara 'kawad pancaragam' dengan akademik. Kajian ini dibuat di Trevecca Nazarene College, Amerika Syarikat. Kajian Mary Elizabeth Vitucci yang bertajuk "*The Effects of Participation in Marching Band on Academic Achievement*" ini memberi tumpuan kepada kesan penglibatan pelajar dalam pasukan pancaragam terhadap pencapaian seperti yang ditakrifkan dalam keputusan pencapaian akademik dan kehadiran. Pelajar hanya terlibat dalam kelab pancaragam pada masa (semester) kemelesetan ekonomi, penyelidik dapat mengkaji kesan penglibatan pelajar berbanding mereka yang tidak menyertainya. Keputusan ini telah dibandingkan dengan sampel rawak 55 pelajar lain sekolah tinggi berkenaan dengan mengambil kira trend seluruh sekolah. Penyelidik juga mengkaji perbezaan antara pencapaian dan tahap gred serta pencapaian dan jantina. Penyelidik mendapati tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian akademik antara ahli pancaragam dan bukan ahli pancaragam, antara peringkat, atau di antara jantina. Untuk itu penting kajian dibuat bagi melihat aspek ini dengan aktiviti pengakap yang menjadi antara pertubuhan unit beruniform yang menjadi pilihan utama di Malaysia.

KEPENTINGAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka sejauh mana kawad kaki mempunyai hubungan dengan peningkatan prestasi akademik dikalangan ahli pengakap, khususnya Pengakap Kanak-Kanak (PKK). Masyarakat umum sedia maklum kawad kaki merupakan aktiviti yang penting dalam aktiviti kepengakapan. Kajian ini akan memberi peluang kepada aktiviti kawad kaki untuk ditambah nilai apabila mempunyai bukti secara klinikal bahawa mampu membantu peningkatan prestasi kepada murid yang melaksanakannya dengan cara dan peraturan yang telah ditetapkan. Bahagian Kokurikulum & Kesenian (Kementerian Pendidikan Malaysia) dalam misinya; KPM melaksanakan program pendidikan kokurikulum dan kesenian ke arah memperkembangkan potensi dan bakat murid selaras dengan hasrat Dasar Pendidikan Negara.

Kepentingan kawad kaki pengakap terhadap ilmu adalah jelas dan nyata. Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, memperkenalkan markah bonus dalam penilaian kokurikulum untuk pengiraan 10 peratus markah merit kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mulai sesi pengambilan 2007/2008.

Kajian ini juga akan banyak membantu Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan tanggungjawabnya merancang, merangka, membincangkan dan seterusnyaewartakan dasar berkaitan kawad kaki dan kepentingannya kepada pencapaian akademik pelajar. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua telah sekian lama melaksanakan aktiviti kawad pagi. Pelajar akan lebih bersedia untuk belajar.

Aktiviti yang cergas ini pasti menggerakkan seluruh saraf utama. Pergerakan ini sememangnya menggerakkan darah lebih laju dan dalam kapasiti yang besar. Ini bermakna oksigen yang mencukupi akan tiba di otak dalam jangka waktu yang dikehendaki. Umum sedia maklum bahawa oksigen merupakan komponen utama dalam pengaktifan otak.

PENGAKAP DAN KAWAD KAKI

Pergerakan pengakap diasaskan pada tahun 1907 di England oleh Lord Baden-Powell yang merupakan "Bapa Pengakap Sedunia". Robert Stephenson Smyth Baden-Powell ialah bekas anggota tentera berpangkat Letenan Jeneral. Pergerakan pengakap merebak ke seluruh United Kingdom tidak lama selepas penerbitan *Scouting For Boys* (Wikipedia, 2013).

Sidang Pengarang (2011) menyatakan sejarah Pergerakan Pengakap Malaysia dengan keahlian seramai 30 orang mula bertapak di Singapura pada tahun 1910, hasil usaha F.C. Sands. Namun begitu, sebenarnya telah ada percubaan untuk menubuhkan pasukan pengakap di Pulau Pinang (1908) dan di Selangor (1909), tetapi gagal kerana tidak dapat bergerak aktif (Persekutuan Pengakap Negeri Perak, 2010).

Antara variasi jenis kawad dalam pergerakan pengakap ialah kawad jenazah, kawad kawalan kehormat, kawad tongkat ken (pegawai), kawad tongkat dan kawad kaki. Sementara dari segi pergerakan pula, terdapat kawad statik dan kawad dinamik. Kawad kaki yang akan dibincangkan di sini ialah kawad kaki statik.

Kawad kaki merupakan aktiviti wajib bagi pasukan keselamatan dan keamanan seperti polis dan tentera. Aktiviti ini pada asalnya untuk mengumpulkan semua ahli pasukan yang ada. Bagi pasukan beruniform kokurikulum pula, kawad kaki merupakan aktiviti rutin setiap kali perjumpaan. Aktiviti ini melibatkan keseragaman pergerakan anggota fizikal badan secara keseluruhan, bukan sahaja kaki. Koordinasi indera dengar dan indera mata dengan pergerakan tangan, tubuh dan kaki boleh dilakukan secara bersendirian mahupun berkumpulan.

KAEDAH KAJIAN

Tumpuan pembentangan kertas ini adalah terhadap ***Penerokaan hubungan pencapaian kawad kaki dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar***. Bagi mencapai objektif ini, dua kaedah telah dikenal pasti. Kaedah yang pertama ialah melalui pemerhatian. Pemerhatian yang dimaksudkan ialah pemerhatian terhadap kualiti kawad kaki sampel disamping pencapaian akademiknya. Pentadbiran kaedah ini bermula dengan penyerahan dokumen LAMPIRAN 1 kepada Guru Kelas (Tahun 3 – 6) bagi sesi persekolahan 2014. Dokumen ini mengandungi senarai nama sampel mengikut kelas dan ruangan (ruang kosong) disediakan untuk pengisian markah. Guru Kelas akan mencatat markah sampel. Guru Kelas diberi masa satu hari untuk menyelesaikan tugas ini. Selepas mengumpulkan dokumen LAMPIRAN 1, susun semula sampel di LAMPIRAN 2 mengikut pencapaian akademik (markah ujian) untuk tujuan petempatan sampel di dalam patrol. Ini bermakna sampel berada dalam kumpulan tahap pencapaian akademik yang hampir sama, umur juga sama tetapi jantina bercampur.

Seterusnya sampel akan menjalani ujian kawad kaki. Ujian ini menggunakan instrumen yang telah diubahsuai secara minima (untuk tujuan kajian) berpandukan borang pemarkahan standard yang digunakan untuk pertandingan kawad kaki. Instrumen berkenaan ialah LAMPIRAN 3. Ujian ini hanya dijalankan selepas sampel dilatih sekurang-kurangnya di dalam satu sesi perjumpaan mingguan yang mengambil masa minima satu jam. Ujian ini dijalankan di dalam perjumpaan yang kedua. Ujian ini ditadbir secara pertandingan kecil dengan dihakimi oleh tiga orang guru yang dipilih.

Kaedah yang kedua ialah dengan menganalisis dokumen. Maklumat yang dianalisis ialah pencapaian akademik sampel berbanding pencapaian kawad kaki. Analisis ini akan mendapatkan satu skor bagi merujuk tahap capaian hipotesis. Skor ini pula dianalisis sebagaimana di LAMPIRAN 4. Analisis ini juga menyampaikan maklumat tahap relevan kajian ini.

DAPATAN

Data yang berjaya dikumpul dari 50 orang sampel menunjukkan prestasi akademik pasukan PKK sekolah ini bagi sesi persekolahan 2014 adalah dalam tahap sederhana (gred C). Namun secara jelas kita dapat lihat perkaitan positif prestasi akademik dan kawad kaki ialah pencapaian kawad kaki mereka adalah seimbang. Keputusan ini telah digambarkan melalui purata skor capaian (LAMPIRAN 4). Hasilnya (rujuk Jadual 1) 14% pelajar peroleh prestasi cemerlang dalam kawad kaki dan 74% pelajar peroleh prestasi baik. Selebihnya di tahap sederhana. 100% pelajar lulus dalam 'ujian' kawad kaki. Ini bermakna aktiviti dengan latih tubi bersistematik membuahkan hasil yang positif. Sementara 18% pelajar yang menyertai pengakap masih berada di tahap lemah dalam akademik

PENCAPAIAN AKADEMIK			PENCAPAIAN KAWAD KAKI		
GRED	JUMLAH	PERATUS	GRED	JUMLAH	PERATUS
A	3	6%	A	7	14%
B	19	38%	B	37	74%
C	19	38%	C	6	12%
D	9	18%	D	0	0%
E	0	0%	E	0	0%

Jadual 1: Perbandingan Pencapaian Akademik dan Kawad Kaki di kalangan PKK.

Bagi gambaran secara keseluruhan, penilaian secara pemerhatian menunjukkan objektif kajian ini tercapai dengan jayanya apabila skor secara keseluruhannya adalah 2 atau capai dengan baik. Kajian mendapati pelajar yang cemerlang dalam pencapaian akademik juga cemerlang berkawad. Begitu juga mereka yang sederhana dalam pencapaian akademik, turut sederhana dalam pencapaian kawad kaki. Jadual 2 menggambarkan penjelasan ini.

JUMLAH SAMPEL	JUMLAH SKOR CAPAIAN	PURATA SKOR CAPAIAN
50	124	2

Jadual 2: Skor Capaian

Ini bermakna aktiviti fizikal yang tersusun dengan penumpuan terhadap aktiviti mengkoordinasi pancaindera mampu memberi impak positif terhadap prestasi akademik. Kawad kaki adalah antara penyelesaian terhadap isu ini.

RUMUSAN

Pengakap di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen Malaysia; Akta 143: Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia 1974, telah berjaya melahirkan pelajar yang unggul di bidang akademik berbantuan disiplin yang ditunjangi kawad kaki. Sejarah penubuhan pengakap oleh Baden Powell juga menyerlahkan kepintaran dan jati diri satu kaum melalui penekanan disiplin. Matlamat pengakap negara kita untuk melatih generasi muda bagi melahirkan individu yang berpotensi dari segi perkembangan fizikal, intelek, sosial dan kerohanian serta bertanggungjawab kepada masyarakat, negara dan masyarakat antarabangsa telah meletakkan imej kegiatan kokurikulum ke suatu tahap yang tersendiri. Kajian ini akan mendedahkan kawad kaki mampu mempertingkatkan prestasi akademik

pelajar melalui peningkatan metabolisma apabila oksigen dapat dibekalkan ke otak secukupnya. Pembekalan oksigen melalui pengaliran darah ini berlaku dengan stabil dan seimbang apabila jantung dapat bergerak cergas disebabkan gerak fizikal yang terkawal dan sangat bermanfaat.

BIBLIOGRAFI

- Akta 143 (2006). *Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia 1974*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Elizabeth, M., (2010). *The Effects of Participation in Marching Band on Academic Achievement*, Ed. D. Dissertation, Trevecca Nazarene College.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Dipetik pada 28 September 2013, daripada <http://www.moe.gov.my/>
- Maizal Affendey (1998). *Kemahiran Berkawad (Kawad Kaki)*. Bandar Baru Selayang: Edusysten Sdn. Bhd.
- Maizal Affendey (1998). *Siri Panduan Pengakap: Kemahiran Berkawad (Kawad Kaki)*. Bandar Baru Selayang: Edusysten Sdn. Bhd.
- Saharuddin Abdullah (2011). *Kepentingan Kegiatan Kokurikulum Kepada Pelajar*. Dipetik pada 9 September 2013 dari World Wide Web: <http://saharuddin-abdullah.blogspot.com/2011/01/kepentingan-kegiatan-kokurikulum-kepada.html>
- Sidang Pengarang (2011). *Pengakap Muda dan Remaja*. Bandar Baru Selayang: Edusysten Sdn. Bhd.
- Wikipedia (2013). *Pergerakan Pengakap*. Dipetik pada 20 Oktober 2013, dari: World Wide Web:http://ms.wikipedia.org/wiki/Pergerakan_Pengakap

LAMPIRAN 4

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

BORANG ANALISIS PENCAPAIAN AKADEMIK DAN KAWAD KAKI

NAMA SEKOLAH : SK FELDA LEPAR HILIR 3, 26300 GAMBANG

BIL	NAMA	PATROL	GRED AKADEMIK	*PURATA GRED AKADEMIK	GRED KAWAD	**SKOR CAPAIAN
1	KHASIBAH BINTI ZAKARIA	1	A	B	B	3
2	MUHAMMAD ILHAM SHAH B AZMAN	1	B	B	B	3
3	MUHAMMAD SYAKIR B HARUN	1	B	B	B	3
4	KHALED ZIAD MOHD NORIZAN	1	B	B	B	3

5	AMIRJAD FARHAN BIN JUPRIDIN	1	B	B	B	3
6	MUHAMMAD HAZIM BIN MAT DESA	1	B	B	B	3
7	AMIRA NATASYA BINTI MOHD RAMLAN	2	C	C	B	2
8	MUHAMAD DANIAL AIMAN BIN MUHAMMAD SUKERI	2	C	C	B	2
9	MUHAMMAD FARIS HAIKAL BIN MOHD NAJIB	2	C	C	B	2
10	WAN MUHAMMAD NAJMIE B AHMAD DZAIB	2	D	C	B	2
11	MUHAMAD NUR ISMA B ISMAIL	2	D	C	B	2
12	MUHAMMAD AQIL HAKMI BIN AZHAR	2	D	C	B	2
13	MUHAMMAD WAFIUDDIN BIN MOHAMAD AZAM	3	B	B	B	3
14	MUHAMMAD KHOIDHIR BIN MOHD NOR	3	B	B	B	3
15	MUHAMMAD HAZAME BIN JUMBERI	3	B	B	B	3
16	MUHAMMAD ZIYAN 'AQIL BIN MD SAHPARI	3	B	B	B	3
17	MUHAMMAD AFIQ IMAN BIN AZMAN	3	C	B	B	3
18	MOHAMAD AMIR HAQIMY BIN JASEMI	3	C	B	B	3
19	MUHAMAD AFFIQ AIMAN BIN HAZLI	4	C	C	C	3
20	MUHAMAD FARRIZ B SAPIAN	4	C	C	C	3
21	MOHAMAD SHAHRUL IZWAN BIN SALEHUDDIN	4	C	C	C	3
22	AHMAD SYAZWAN BIN ABDUL WAHID	4	D	C	C	3
23	NUR HAKIM B HARUN	4	D	C	C	3
24	MUHAMMAD AZIM ISKANDAR BIN HAZLI	4	D	C	C	3
25	MUHAMMAD HASIF BIN NORMAN	5	B	B	B	3
26	WAN MOHAMAD DANIAL B WAN MOHAMAD HASIM	5	B	B	B	3
27	MUHAMMAD FAKRI HANIN BIN ITHNIN	5	B	B	B	3
28	MOHAMAD ADLAN BIN NAZIR	5	B	B	B	3
29	MUHAMMAD MIFZAL BIN KHAIRUL AMINI	5	B	B	B	3
30	MUHAMMAD USSAY B ABDUL HAMID	5	C	B	B	3
31	WAN PUTRA DANIEL HAIKAL BIN W ROSDEY	6	C	C	B	2
32	MUHAMMAD DAIYAN HANIF BIN SUHAIZAM	6	C	C	B	2
33	MUHAMMAD FAISAL BIN MOHAMMAD SOHAILEE	6	C	C	B	2
34	MOHAMAD AMIRUL ADHA BIN SOBARI	6	D	C	B	2
35	MUHAMAD RAFIZAN BIN ROSLI	6	D	C	B	2
36	MUHAMMAD LUQMAN MUQRI BIN ZULLI	6	D	C	B	2

BI L	NAMA	PATR OL	GRED AKADE MIK	*PURATA GRED AKADEMIK	GRED KAWA D	**SKOR CAPAIA N
37	MOHAMAD HAIKAL HAKIMIE BIN ABDUL RAHIM	7	A	B	A	2
38	MUHAMMAD SHAHRUL AKMAL BIN SHAMSUDIN	7	A	B	A	2
39	AMIRUL MUSTAQIM BIN MUHAMAD	7	B	B	A	2

40	MUHAMMAD HYEKARL BIN KHAIRUL ANUAR	7	B	B	A	2
41	AHMAD MARZAN KHAIR BIN MOHD MARZUKI	7	B	B	A	2
42	MUHAMMAD DANISH HAIKAL	7	B	B	A	2
43	MUHAMMAD AL IMRAN BIN ZAINAL ABIDIN	7	C	B	A	2
44	MUHAMMAD FAKHRUL SYAHMI BIN MOHD ASRI	8	B	C	B	2
45	MUHAMMAD NURJEHAN BIN LATIB	8	C	C	B	2
46	MUHAMMAD NAZRUL NAIM BIN JAIS	8	C	C	B	2
47	MUHAMMAD HAIKAL HAKIMI	8	C	C	B	2
48	MUHAMMAD MUNAWAR BIN NORAN	8	C	C	B	2
49	MUHAMMAD IKMAL BIN MD. NAZIR	8	C	C	B	2
50	SAIFUL IRFAN BIN MAT HUSIN	8	C	C	B	2
JUMLAH SKOR CAPAIAN						124
PURATA SKOR CAPAIAN						2 (BAIK)

NOTA: *PURATA GRED AKADEMIK = $\frac{\text{JUMLAH NILAI GRED AKADEMIK}}{\text{JUMLAH AHLI PATROL}}$

****SKOR CAPAIAN** ialah tahap pencapaian hipotesis kajian.

1. JADUAL MARKAH DAN GRED PENCAPAIAN

MARKAH (%)	GRED	NILAI GRED	KETERANGAN
80 – 100	A	5	CEMERLANG
60 – 79	B	4	BAIK
40 – 59	C	3	SEDERHANA
20 – 39	D	2	POTENSI
0 – 19	E	1	LEMAH

2. JADUAL PENYESUAIAN GRED AKADEMIK + GRED KAWAD = **SKOR CAPAIAN

GRED AKADEMIK DAN GRED KAWAD	**SKOR	KETERANGAN SKOR
GRED SAMA	3	CAPAI DENGAN CEMERLANG
PERBEZAAN GRED HANYA 1 TAHAP	2	CAPAI DENGAN BAIK
PERBEZAAN GRED HINGGA 2 TAHAP	1	TELAH CAPAI
PERBEZAAN GRED MELEBIHI 2 TAHAP	0	GAGAL CAPAI

07.02.2014

.....
Tarikh

tt.

(tanda tangan telah diturunkan
pada bahan asal)

.....
Tanda tangan Guru Besar
(Cap Nama dan Jawatan)